

KERJA LEBIH MASA: KEPERLUAN DAN TUNTUTAN

MOHD ZULFADLI BIN NORUDDIN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
Sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2008

ABSTRAK

Kepesatan pembangunan negara dalam mengharungi peningkatan ekonomi dunia membawa kepada pengenalan aspek-aspek baru dalam kehidupan. Disamping itu industri binaan telah berkembang menjadi salah satu daripada aspek yang dititik beratkan dalam dasar pembangunan negara sekaligus demi mencapai impian membina sebuah negara maju pada tahun 2020. Kelahiran jawatan juruukur bahan yang bergiat langsung dalam industri ini sememangnya jelas dan disokong dengan keperluan semasa. Untuk memenuhi keperluan semasa bidang ini perlu dikaji secara menyeluruh dari segenap aspek untuk mentafsirkan definisi yang sesuai terhadap bidang ukur bahan. Berobjektifkan menilai keperluan aspek ini dalam bidang ukur bahan, melihat kaedah amalannya serta kesannya terhadap gaya hidup pekerja, penulis memulakan kajian menggunakan kaedah kajian literatur untuk kajian awal. Seterusnya kajian padang dibuat ke atas responden dari dua negeri yang sedang pesat membangun iaitu negeri Johor dan Kuala Lumpur. Setelah menilai dari kajian padang, analisa yang dikeluarkan penulis merumuskan tiga perkara utama iaitu perlunya kerja lebih masa dalam firma ukur bahan, pengiraan kadar bayaran menggunakan jam bekerja dan didarab dengan faktor tertentu serta tiada kesan negatif yang terhasil dari pengamalan aspek pekerjaan ini.

ABSTRACT

Country's rapid development in the flow of world's economic improvement brought us to the opening of new feature of life. While that, construction industry had become one of the element that considered in the national development policy in order to achieve our target to create an advanced country in 2020. The emergence of the title of quantity surveyor that involve directly in this industry was actually cleared and it was support by the current requirement. To fulfill the requirement of current condition this field should be observed from all direction to give the right meaning of it. Regarding the objective of the investigation of knowing how the overtime is needed, how it's being practice and also how about its effect to the workers, writer started the research with the literature review as the beginning. Then, it has move forward with the real exploration in the scope of Johor and Kuala Lumpur. After analyzing from field study, the research had come to conclusion of the need of overtime worked in the firm of quantity surveying, the used of certain rate to be multiply with the hours they work as the paid scheme and there's no negative effect to the workers.